KEPERLUAN LATIHAN

- Telah menghadiri kursus *Building Condition Assessment* (BCA).
- Telah menghadiri kursus penyelenggaraan bangunan.

POTENSI HAZAD

- Terluka/Tergelincir/Terjatuh.
- Renjatan elektrik/Ergonomik.
- Tercucuk Mata/Tersedut habuk/Bunyi bising memekakkan telinga.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI



Kasut Keselamatan



Sarung Tangan



Alat Pelindung Telinga



Alat yang bersesuaian (berpenebat)



Topeng Pelindung Hidung



Pelindung Mata (Goggle).



ARAHAN KERJA SELAMAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.13

PINDAAN : 00

PENYENGGARAAN DAN PEMERIKSAAN BANGUNAN

TARIKH : 31 JAN 2013

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Memastikan peralatan lengkap, baik dan berfungsi.
- Memastikan kawasan kerja dalam keadaan baik.
- Menggunakan papantanda amaran/awas (jika perlu).
- Menggunakan *buddy system* (jika perlu).

AKTIVITI YANG DILARANG

- Menggunakan telefon bimbit/bergurau.
- Menyentuh peralatan elektrik dengan tangan basah.
- Menggunakan sambungan elektrik yang rosak – tampalkan dengan tanda 'amaran/ rosak'.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Memakai alat perlindungan diri.
2. Menggunakan kaedah yang betul bekerja ditempat tinggi (tangga, *body harness*).
3. Peka jika terdapat sebarang keganjilan seperti wayar yang panas, hendaklah dimatikan suis dan dilaporkan kepada penyelia.
4. Pastikan wayar mudahalih tidak melintasi dan menghalang laluan.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin / peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Memastikan peralatan dibersihkan, dikemas dan disimpan dengan baik.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti penyelenggaraan peralatan mesin pendua/ mesin pericih/ mesin pencetak/ mesin pengimbas di Lampiran 1.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law , UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office* ,DOSH, 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).13]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Nama Aktiviti:

PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).13]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN		LOKASI	KAWASAN BANGUNAN					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pemeriksaan & Penyelenggaraan Bangunan	Berada di tempat tinggi (dengan tangga)	Jatuh/ Kecelakaan fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Alat Perlindungan Diri • Pemeriksaan tangga. 	3	2	6	Cara selamat menggunakan tangga		
	Berada di tempat tinggi (tanpa tangga)	Jatuh/ Kecelakaan fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Alat Perlindungan Diri • Safety Harness 	3	2	6	Kursus Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pekerja		
	Terhindar debu/habuk	Batuk berpanjangan	Penutup mulut	2	2	4			
	Kawasan Gelap	Kecelakaan fizikal	Lampu suluh	2	2	4			
	Sarang serangga bersengat, dll.	Kecelakaan disengat.	Penjagaan kebersihan.	2	1	2			
	Lantai yang licin (minyak)	Tergelincir	Penjagaan kebersihan.	2	2	4			
	Ruang kerja tidak selamat, sempit	Terjatuh, Tersepit.	Penjagaan kebersihan.	2	2	4			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).13]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN		LOKASI	KAWASAN BANGUNAN					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pemeriksaan & Penyelenggaraan Bangunan	Objek/ barang yang berada di atas/ tergantung	Terhimpap/ Kecelakaan Fizikal	Topi keselamatan	2	2	4	Kursus Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pekerja		
	Objek yang tidak disusun/ atur dengan baik	Tersepak/ Kecelakaan fizikal	Kasut Keselamatan	2	2	4			
	Lubang/ longkang tiada penutup/ lantai tidak rata	Terjatuh/ Kecelakaan fizikal	Tanda amaran	2	2	4			
	Kawasan bersepah dengan kaca/ paku	Tercucuk/luka	Kasut keselamatan	2	2	4			
	Bunyi bising dari peralatan penyelenggaraan	Gangguan/ Pekak/ sakit telinga	Penutup telinga	2	1	2			
	Peralatan yang rosak/ lama	Kecelakaan fizikal	Alat perlindungan diri	2	2	4			Rujuk AKS aktiviti Elektrikal.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).13]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN		KAWALAN SEMASA	LOKASI			KAWASAN BANGUNAN		
	PENGENALPASTIAN HAZAD			ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
	<i>Human Behavior</i> - Bergurau semasa kerja - Cuai & leka	Bahaya kepada fizikal pekerja	Peraturan/ Peringatan	1	2	2	Kursus Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pekerja		



ARAHAN KERJA SELAMAT

PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.14
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi kerja pemeriksaan dan/atau penyelenggaraan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB).
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerja-kerja pemeriksaan dan/atau penyelenggaraan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB) di tempat kerja.

SINGKATAN

- MSB - Papan Suis Utama (*Main Switch Board*).
- SSB - Papan Suis Kecil (*Sub Switch Board*).
- DB - Papan Agihan (*Distribution Board*).

TANGGUNGJAWAB

- Ketua Jabatan - Memastikan arahan kerja selamat bagi kerja-kerja pemeriksaan dan/atau penyelenggaraan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB) dipatuhi.
- Penyelia – Memantau dan memastikan arahan kerja selamat bagi kerja-kerja pemeriksaan dan/atau penyelenggaraan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB) dipatuhi.
- Kakitangan/pegawai yang menyenggara – Sentiasa mematuhi prosedur dan peraturan kerja pemeriksaan dan/atau penyelenggaraan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB).

KEPERLUAN LATIHAN

- Perlu mempunyai sijil orang kompeten (*chargeman & wireman*) - dibenarkan dan boleh bekerja dengan papan suis elektrik (MSB/SSB/DB).
- Latihan penggunaan Alat Perlindungan Diri.

POTENSI HAZAD

- Renjatan elektrik/ maut/ litar pintas/ terbakar/ melecur/ jatuh dan patah/ luka/ pengsan/ tercucuk/ tersadung/ sakit pinggang dan kaki/ batuk/ asthma/ selsema/ kemalangan/ stress/ trauma.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.14

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

ALAT PERLINDUNGAN DIRI

Kasut Keselamatan

Topeng Pelindung

Sarung Tangan

Topi Keselamatan

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Pastikan pemakluman dan kebenaran telah diperolehi untuk kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan.
- Pastikan bekalan elektrik telah diputuskan (*off*) bagi kawasan kerja yang akan diselenggara.
- Pastikan papan suis telah dibumikan dengan sempurna.
- Pastikan alatan pengujian berfungsi dengan sempurna dan telah dikalibrasi.
- Pastikan tiada wayar yang terdedah/luka.
- Pastikan persekitaran kerja dalam keadaan selamat dan tidak berair.
- Pastikan tanda amaran/penghadang diletakkan di kawasan kerja.
- Pastikan terdapat lukisan skematik bagi suis yang disenggara.
- Pastikan alat pemadam api berada berdekatan dengan ruang kerja.

AKTIVITI YANG DILARANG

- Merokok.
- Bergurau senda semasa kerja dilaksanakan.
- Tergesa-gesa semasa membuat kerja.
- Menggunakan sambungan kabel yang menghalang laluan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Menggunakan peralatan kerja yang berpenambat.
2. Melaksanakan kerja secara *buddy system*.
3. Sentiasa menggunakan alat pelindung diri (PPE).
4. Sentiasa mengutamakan keselamatan diri.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin / peralatan, putuskan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala kerja ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Kemaskan ruang kerja dan simpan semua peralatan kerja ditempat yang selamat.
- Pastikan pintu papan suis ditutup dengan sempurna setelah selesai penyelenggaraan.
- Memaklumkan kepada pihak pengurusan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan telah selesai.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.14
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

- Sediakan laporan penyelenggaraan.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan bangunan di Lampiran 1.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law , UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).14]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Nama Aktiviti:

PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

[Borang JKR.AKS(H).14]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)		LOKASI	BILIK SUIS ELEKTRIK					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pemeriksaan dan/ atau Penyelenggaraan Papan Suis Elektrik (MSB/ SSB/ DB)	Tiada sambungan pbumian/ kabel terluka/ sambungan longgar	Renjatan elektrik/ mati	<ul style="list-style-type: none"> Dilaksanakan oleh orang yang kompeten. Mempunyai dokumentasi rujukan (lukisan) 	3	4	12	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan pentadbiran – rakan kerja (<i>buddy system</i>). Arahan kerja selamat/ penggunaan peralatan yang bersesuaian. <i>Emergency Response and Preparedness (Emergency Rescue Team, First Aider, Emergency Respond Plan)</i> 		<ul style="list-style-type: none"> OSHA 1994 (Act 514) BOWEC Reg. 1986 Guidelines on First-Aid in the workplace (2nd Edition) 2004 Fire Service Act 1988 Peraturan Elektrik 1994 Akta Bekalan Elektrik 1990
		Litar pintas/ terbakar		3	4	12			
		Melecur		3	1	3			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).14]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)		LOKASI	BILIK SUIS ELEKTRIK					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pemeriksaan dan/ atau Penyelenggaraan Papan Suis Elektrik (MSB/SSB/DB)	Menggunakan tangga yang rosak	Jatuh/ Patah	PPE (<i>Safety helmet & shoes</i>)	3	2	6	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan pentadbiran – rakan kerja (buddy system) 	-	<ul style="list-style-type: none"> AKKP 1994 (Akta 514) AKJ 1967 (BOWEC Reg. 1986)
		Luka		3	1	3			
	Kepanasan bilik yang tinggi	Heat stress/ Penganasan	Pintu bilik dibuka dan/ atau pengudaraan sedia ada dipasang	3	2	6	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan <i>Portable fan</i> dan <i>safe operating procedure</i> 	-	
	Penggunaan peralatan tidak betul	Tercucuk/ luka	Rujukan <i>Equipment/ tools manual</i>	3	1	3	<ul style="list-style-type: none"> Memberi latihan kepada pegawai baru Membangunkan senarai semak/ <i>safe operating procedure.</i> 	-	
	Wayar yang menghalang laluan	Tersadung	Mengamalkan kekemasan bilik (<i>housekeeping</i>)	3	2	6	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan senarai semak/ <i>safe operating procedure.</i> 	-	



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).14]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN PAPAN SUIS ELEKTRIK (MSB/SSB/DB)		KAWALAN SEMASA	LOKASI			BILIK SUIS ELEKTRIK		
	PENGENALPASTIAN HAZAD			ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pemeriksaan dan/ atau Penyelenggaraan Papan Suis Elektrik (MSB/ SSB/ DB)	Berdiri terlalu lama & ruang kerja yang sempit.	Sakit pinggang/ kaki	Kawalan Pentadbiran – Sistem giliran bekerja (rotation)	3	1	3	Aktiviti penyelenggaraan kecil dilaksanakan diruang yang lebih luas/ selesa.	-	AKKP 1994 (Akta 514)
	Bilik berhabuk	Batuk/ Asthma/ selsema	-	3	2	6	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan topeng pernafasan (PPE) Mengamalkan kekemasan bilik (<i>housekeeping</i>) 	-	AKKP 1994 (Akta 514)



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN WAYAR MUDAH LENTUR DAN PALAM 3 PIN ELEKTRIK (*EXTENSION CABLE*)

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.15

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi kerja pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*) oleh pengguna.
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerja pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*) di tempat kerja.

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Ketua Jabatan/Penyelia - Memastikan arahan kerja selamat bagi pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*) dipatuhi.
- Kakitangan/Pegawai yang menyelenggara – Sentiasa mematuhi arahan kerja selamat bagi pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*).

KEPERLUAN LATIHAN

- Mempunyai pengetahuan asas dalam pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin (*extension cable*).

POTENSI HAZAD

- Renjatan elektrik/mati/litar pintas/terbakar/melecur/terjatuh/terlanggar/tersadung.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI



Kasut Keselamatan



Sarung Tangan



Topeng Pelindung



Menggunakan alat yang bersesuaian (berpenebat)



Topi Keselamatan



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN WAYAR MUDAH LENTUR DAN PALAM 3 PIN ELEKTRIK (*EXTENSION CABLE*)

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.15
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

Pemeriksaan Penglihatan (*Visual Inspection*)

- Pastikan wayar mudah lentur tidak luka atau koyak dan penyambungan yang betul ke peralatan elektrik.
- Pastikan *plug* (palam 3 pin) tidak pecah atau rosak.
- Pastikan fius yang bersesuaian dipasang di dalam *plug* (palam 3 pin).
- Pastikan tiada wayar mudahalih melintasi atau menghalang laluan. Sekiranya terdapat penyambungan elektrik dari punca kuasa yang melebihi satu palam, hendaklah menggunakan soket *multiway* yang diluluskan oleh SIRIM.

AKTIVITI YANG DILARANG

- Merokok.
- Bergurau senda semasa kerja dilaksanakan.
- Menyentuh peralatan elektrik dengan tangan basah.
- Menggunakan sambungan elektrik yang rosak/terdedah.
- Menggunakan sambungan kabel yang menghalang laluan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Tidak menarik wayar elektrik jika hendak menanggalkan *plug* (palam 3 pin) daripada soket semasa kerja-kerja penyelenggaraan.
2. Melindungi wayar mudah lentur dari kerosakan mekanikal atau rosak disebabkan oleh cecair semasa kerja-kerja berjalan.
3. Sentiasa menggunakan alat pelindung diri.
4. Sentiasa mengutamakan keselamatan diri.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin / peralatan, putuskan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala kerja ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Kemaskan ruang kerja dan simpan semua peralatan kerja ditempat yang selamat.
- Pastikan wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*) ditutup dengan sempurna setelah digunakan.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti pengendalian wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik (*extension cable*) di Lampiran 1.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN WAYAR MUDAH LENTUR DAN PALAM 3 PIN ELEKTRIK (*EXTENSION CABLE*)

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.15
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

RUJUKAN

- Akta Bomba 1988.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law , UBBL*) 1984.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office*, DOSH 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).15]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Nama Aktiviti:

PENYELENGGARAAN WAYAR MUDAH LENTUR DAN PALAM 3 PIN ELEKTRIK (*EXTENSION CABLE*)

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

[Borang JKR.AKS(H).15]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENYELENGGARAAN WAYAR MUDAH LENTUR DAN PALAM 3 PIN ELEKTRIK (EXTENSION CABLE)		LOKASI	PEJABAT & RUANG KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Penyelenggaraan Wayar Mudahlentur dan Palam 3 Pin Elektrik (Extension Cable)	Wayar terdedah/ terluka, tiada sambungan pembumian, sambungan longgar & S/S/O yang pecah/ rosak	Renjatan Elektrik/ Maut	Pemeriksaan dilaksanakan ke atas wayar mudah lentur dan palam 3 pin elektrik sebelum digunakan.	3	4	12	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat. Emergency Response and Preparedness (Emergency Rescue Team, First Aider, Emergency Respond Plan) 		<ul style="list-style-type: none"> AKKP 1994 (Akta 514) AKJ 1967 (BOWEC Reg. 1986). Guidelines on First-Aid in the workplace (2nd Edition) 2004 Fire Service Act 1988 Peraturan Elektrik 1994 Akta Bekalan Elektrik 1990
		Litar pintas/ terbakar		3	4	12			
		Melecur		3	1	3			
	Peralatan yang tidak tersusun/ mengganggu laluan	Terjatuh/ terlanggar/ terluka/ tersadung		Mengamalkan kekemasan bilik (housekeeping)	3	2		6	



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKSYOP

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.16

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*) di woksyop.
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*).

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Ketua Jabatan - Memastikan arahan kerja selamat bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*) dipatuhi.
- Penyelia – Memantau dan memastikan arahan bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*) dipatuhi.
- Kakitangan/pegawai yang menyenggara – Mematuhi arahan kerja selamat bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*).

KEPERLUAN LATIHAN

- Mempunyai pengetahuan tentang cara-cara aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*) yang betul.
- Latihan penggunaan alat perlindungan diri.

POTENSI HAZAD

- Terpotong/Terjatuh/Terluka/Renjatan elektrik/Ergonomik/Tercucuk/Mati/Gangguan komun pendengaran/Gangguan otot dan peredaran darah.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI



Kasut Keselamatan



Menggunakan Sarung Tangan



Menggunakan Topeng Pelindung



Menggunakan alat yang bersesuaian
(berpenebat)



Keperluan Topi keselamatan



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKSYOP

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.16

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Pastikan peralatan elektrik yang digunakan diluluskan oleh SIRIM.
- Pastikan wayar tidak luka atau koyak dan penyambungan yang betul ke peralatan elektrik.
- Pastikan peralatan elektrik dibumikan atau wayar berpenebat berganda (*double insulated – PVC/PVC*).
- Pastikan ruang kerja yang selesa dan selamat.
- Pastikan tanda amaran diletakkan di kawasan kerja.

AKTIVITI YANG DILARANG

- Menyentuh peralatan elektrik dengan tangan basah.
- Menggunakan sambungan elektrik yang rosak/terdedah.
- Menggunakan sambungan kabel yang menghalang laluan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Memperkenalkan diri dan memaklumkan tujuan kehadiran kepada pemilik premis/bangunan.
2. Memakai peralatan pelindung diri (PPE).
3. Melaksanakan kerja secara *buddy system*.
4. Jika terdapat sebarang keganjilan seperti wayar yang panas, hendaklah dimatikan suis dan dilaporkan kepada penyelia.
5. Pastikan wayar mudah lentur tidak melintasi dan menghalang laluan.
6. Sentiasa mengutamakan keselamatan diri.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin/peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Kemaskan ruang kerja dan simpan semua peralatan kerja ditempat yang selamat.
- Pastikan peralatan elektrik di tempat kerja dengan sempurna setelah selesai penyenggaraan.
- Memaklumkan kepada pihak pengurusan bahawa kerja-kerja penyenggaraan telah selesai.
- Pastikan puncan kuasa komputer dimatikan selepas waktu kerja.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik (*hand tools*) di woksyop di Lampiran 1.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKSYOP

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.16
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law, UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office* ,DOSH, 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).16]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Nama Aktiviti:

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKSYOP

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

[Borang JKR.AKS(H).16]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKYOP		LOKASI	BENGKEL/ WOKSYOP			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Penyelenggaraan Wayar Mudahlentur dan Palam 3 Pin Elektrik (<i>Extension Cable</i>)	Wayar terdedah/ terluka, tiada sambungan pbumian, sambungan longgar & S/S/O yang pecah/ rosak	Renjatan Elektrik/ Maut	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaksanakan oleh orang yang faham penggunaan peralatan tersebut. • Mempunyai dokumentasi rujukan • Hadir sesi latihan 	3	4	12	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan pentadbiran – rakan sekerja (<i>buddy system</i>). • Arahan kerja selamat/ penggunaan peralatan yang bersesuaian. • <i>Emergency Response and Preparedness (Emergency Rescue Team, First Aider, Emergency Respond Plan)</i> 		<ul style="list-style-type: none"> • AKKP 1994 (Akta 514) • AKJ 1967 (BOWEC Reg. 1986) • <i>Guidelines on First-Aid in the workplace (2nd Edition) 2004</i> • <i>Fire Service Act 1988</i> • Peraturan Elektrik 1994 • Akta Bekalan Elektrik 1990
		Litar pintas/ terbakar		3	4	12			
		Melecur		3	1	3			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).16]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK (HAND TOOLS) DI WOKYOP		LOKASI	BENGKEL/ WOKSYOP					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Penyelenggaraan Wayar Mudahlentur dan Palam 3 Pin Elektrik (<i>Extension Cable</i>)	Menggunakan tangga yang rosak	Terjatuh/ patah	Memakai PPE (safety helmet & safety shoes)	3	2	6	• Kawalan pentadbiran – rakan kerja (buddy system)	-	• AKKP 1994 (Akta 514) • AKJ 1967 (BOWEC Reg. 1986)
		luka		3	1	3			
	Menggunakan peralatan yang tidak sesuai dengan kerja/ peralatan rosak.	Tercucuk/ terpotong/ terluka	Rujukan Epuiment/ tools manual.	2	1	2	• Mengadakan latihan • Arahan Kerja Selamat/ Penggunaan peralatan yang bersesuaian.	-	
	Bising	Gangguan komunikasi/ Pendengaran	PPE (alat perlindungan telinga)	3	2	6	• Kawalan pentadbiran – mengamalkan sistem giliran bekerja (<i>rotation system</i>) • Arahan Kerja Selamat	-	
	Getaran	Gangguan otot dan peredaran darah	-	2	2	4	• Kawalan pentadbiran – mengamalkan sistem giliran bekerja (<i>rotation system</i>) • Arahan Kerja Selamat		



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK DI PEJABAT

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.17
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik di pejabat (komputer, mesin pendua, mesin pencetak dsb.).
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengendalian peralatan elektrik di pejabat.

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Ketua Jabatan - Memastikan arahan kerja selamat bagi pengendalian peralatan elektrik di pejabat dipatuhi.
- Kakitangan/pekerja – Mematuhi prosedur dan peraturan pengendalian peralatan elektrik di pejabat.

KEPERLUAN LATIHAN

- Mempunyai pengetahuan tentang penggunaan pengendalian peralatan elektrik di pejabat.

POTENSI HAZAD

- Sakit mata/ renjatan elektrik/ litar pintas/ ergonomik/ mengantuk/ kekejangan jari atau bah te terluka/ melecur/ maut.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI

Kasut Keselamatan



Menggunakan alat bersesuaian (berpenebat)

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Pastikan peralatan elektrik yang digunakan diluluskan oleh SIRIM.
- Pastikan wayar tidak luka atau koyak dan penyambungan yang betul ke peralatan elektrik.
- Pastikan peralatan elektrik dibumikan atau wayar berpenebat berganda (*Double insulated – PVC/PVC*).



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK DI PEJABAT

NO.DOKUMEN	:	JKR.AKS.17
PINDAAN	:	00
TARIKH	:	31 JAN 2013

- Pastikan ruang kerja yang selesa dan selamat.

AKTIVITI YANG DILARANG

- Menyentuh peralatan elektrik dengan tangan basah.
- Menggunakan sambungan elektrik yang rosak/terdedah.
- Menggunakan sambungan kabel yang menghalang laluan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Jika terdapat sebarang keganjilan seperti wayar yang panas, hendaklah dimatikan suis dan dilaporkan kepada pemilik premis/bangunan.
2. Pastikan wayar mudah lentur tidak melintasi dan menghalang laluan.
3. Sentiasa mengutamakan keselamatan diri.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin/peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Kemaskan ruang kerja dan simpan semua peralatan kerja ditempat yang selamat.
- Pastikan peralatan elektrik di pejabat ditutup dengan sempurna setelah digunakan.
- Pastikan punca kuasa peralatan elektrik dimatikan selepas waktu kerja.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti pengendalian peralatan elektrik di pejabat di Lampiran 1.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law, UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office* ,DOSH, 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).17]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Nama Aktiviti:

PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK DI PEJABAT

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

[Borang JKR.AKS(H).17]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK		LOKASI	PEJABAT & RUANG KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian peralatan elektrik di pejabat seperti komputer, mesin pengimbas, mesin pencetak.	Wayar terdedah/ terluka, tiada sambungan pbumian, sambungan longgar & S/S/O yang pecah/ rosak	Renjatan Elektrik/ Maut	<ul style="list-style-type: none"> Dilaksanakan oleh orang yang faham penggunaan peralatan tersebut Penyelenggaraan berkala. 	3	4	12	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat. Emergency Response and Preparedness (Emergency Rescue Team, First Aider, Emergency Respond Plan) 		<ul style="list-style-type: none"> AKKP 1994 (Akta 514) AKJ 1967 (BOWEC Reg. 1986) Guidelines on First-Aid in the workplace (2nd Edition) 2004 Fire Service Act 1988 Peraturan Elektrik 1994 Akta Bekalan Elektrik 1990
		Litar pintas/ terbakar		3	4	12			
		Melecur		3	1	3			



HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

[Borang JKR.AKS(H).17]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK		LOKASI	PEJABAT & RUANG KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian peralatan elektrik di pejabat seperti komputer, mesin pengimbas, mesin pencetak.	Cahaya Radiasi	Sakit mata	Arahan Kerja Selamat Pengendalian Peralatan Elektrik	2	1	2	Arahan Kerja Selamat Pengendalian Peralatan Elektrik Di Pejabat.		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Guidelines on Occupational Safety and Health in The Office 1996</i> • AKKP 1994 (Akta 514)
	Ozone	Sesak nafas/ sakit kepala/ hilang sementara deria bau	Kawalan kejuruteraan seperti :- <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan mesin photocopy kerap diservis. • Pastikan bahawa penapis ozon dipasang kepada mesin photocopy dan pencetak laser. • Pastikan terdapat pengudaraan yang mencukupi. 	2	1	2			
	Debu dari toner (mengandungi karbon hitam)	Gatal pada saluran pernafasan		2	1	2			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).17]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN PERALATAN ELEKTRIK		LOKASI	PEJABAT & RUANG KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian peralatan elektrik di pejabat seperti komputer, scanner, printer	Posisi duduk ketika menaip yang tidak betul	Sakit badan	-	3	1	3	Arahan Kerja Selamat Pengendalian Peralatan Elektrik Di Pejabat		AKKP 1994 (Akta 514)
	Kerusi yang tidak sesuai, rosak, tiada arm rest, back rest	Mengantuk, sakit badan	-	2	1	2			
	Pergerakan berulang yang lama tanpa rehat	Kekejangan jari/ bahu. Carpaltunnel syndrom	Kawalan pentadbiran – system giliran bekerja (rotation system) & rehat	3	1	3			
	Tidak mematuhi arahan safety operation procedure & supervisor	Terluka/ Terjatuh	Kaunseling	3	1	3	Mengadakan latihan kepada SOP	-	



ARAHAN KERJA SELAMAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.18

PINDAAN : 00

PENGENDALIAN MESIN KIMPALAN ELEKTRIK

TARIKH : 31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti pengendalian peralatan mesin kimpalan elektrik.
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengendalian mesin kimpalan elektrik di tempat kerja.

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Ketua Jabatan - Memastikan arahan kerja selamat bagi aktiviti pengendalian mesin kimpalan elektrik di tempat kerja dipatuhi.
- Kakitangan/pegawai yang mengendalikan – Mematuhi prosedur dan peraturan aktiviti pengendalian mesin kimpalan elektrik di tempat kerja.

KEPERLUAN LATIHAN

- Mempunyai pengetahuan tentang pengendalian mesin kimpalan elektrik.

POTENSI HAZAD

- Terlanggar/ terjatuh/ tersadung/ terluka/ renjatan elektrik/ ergonomik.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI



Kasut Keselamatan



Menggunakan Sarung Tangan



Menggunakan Topeng Pelindung



Menggunakan alat yang bersesuaian (berpenebat)



Keperluan Pelindung Keselamatan Muka.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PENGENDALIAN MESIN KIMPALAN ELEKTRIK

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.18

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Pastikan peralatan elektrik yang digunakan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM.
- Pastikan wayar tidak luka atau koyak dan penyambungan yang betul ke peralatan elektrik.
- Pastikan peralatan elektrik dibumikan atau wayar berpenebat berganda.
- Pastikan ruang kerja yang selesa dan selamat.
- Pastikan tanda amaran diletakkan di kawasan kerja.

AKTIVITI YANG DILARANG

- Bergurau senda semasa kerja dilaksanakan.
- Tergesa-gesa semasa membuat kerja.
- Menggunakan sambungan kabel yang menghalang laluan.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Memakai peralatan pelindung diri.
2. Melaksanakan secara *buddy system*.
3. Peka jika terdapat sebarang keganjilan seperti wayar yang panas, hendaklah dimatikan suis dan dilaporkan kepada penyelia.
4. Pastikan wayar mudah lentur tidak melintasi dan menghalang laluan.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin/peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA.

PENGEMASAN

- Kemaskan ruang kerja dan simpan semua peralatan kerja ditempat yang selamat.
- Pastikan peralatan elektrik ditutup dengan sempurna setelah selesai pengendalian.
- Memaklumkan kepada penyelia bahawa kerja-kerja telah selesai.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti pengendalian mesin kimpalan elektrik di Lampiran 1.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law, UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office*, DOSH, 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).18]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Nama Aktiviti:

PENGENDALIAN MESIN KIMPAL ELEKTRIK

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).18]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN MESIN KIMPAL ELEKTRIK		LOKASI	WOKSYOP/ TEMPAT KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian Mesin kimpalan elektrik	Bising	Hilang Kedengaran	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat Alat pelindungan telinga 	3	4	12			Peraturan-Peraturan (Kilang dan Jentera) Pendedahan Bising 1987
	Tegasan Haba	Kekurangan air dalam badan dan tidak selesa	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat Alat pelindungan diri 	2	2	4			Peraturan-Peraturan (Kilang dan Jentera) Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan 1974
	Sistem Pengudaraan tidak bersih	Gangguan Penafasan	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat Alat pelindungan hidung 	3	3	9			AKKP 1994 (Akta 514)
	Kurang/ terlampau Pencahayaannya	Sakit/ Kelesuan Mata	<ul style="list-style-type: none"> Arahan kerja selamat Alat pelindungan mata. 	2	2	4			AKKP 1994 (Akta 514)



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).18]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN MESIN KIMPAL ELEKTRIK		LOKASI	WOKSYOP/ TEMPAT KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian Mesin kimpalan elektrik	Wayar berserabut	Tersadung	• Arahan kerja selamat	3	2	6			
	Radiasi	Kecederaan anggota badan / barah	• Arahan kerja selamat	2	3	6			
	Peralatan yang panas	Cedera /kebakaran	• Arahan kerja selamat • Sarung tangan	3	2	6			
	Peralatan yang berat jatuh	cedera	• Arahan kerja selamat	3	3	6			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).18]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN MESIN KIMPAL ELEKTRIK		LOKASI	WOKSYOP/ TEMPAT KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian Mesin kimpalan elektrik	Wasap beracun , habuk	Menyebabkan keracunan, memudaratkan dan menyebabkan karsinogen	• Arahan kerja selamat	3	4	12			Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000
	Percikan bunga api	Terbakar/ letupan	• Arahan kerja selamat	2	4	8			



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).18]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENGENDALIAN MESIN KIMPAL ELEKTRIK		LOKASI	WOKSYOP/ TEMPAT KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBARANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian Mesin kimpalan elektrik	Wayar elektrik cedera	Renjatan elektrik	• Arahan kerja selamat	2	2	4			
	Pergerakan Badan/Posisi bengkok	Sakit belakang dan kekejangan otot	• Arahan kerja selamat	1	2	2			



ARAHAN KERJA SELAMAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.19

PINDAAN : 00

PENYELENGGARAAN MESIN PENDUA/MESIN PERINCIH, MESIN PENCETAK/MESIN PENGIMBAS

TARIKH : 31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti penyelenggaraan mesin pendua/mesin perincih/mesin pencetak/mesin pengimbas.
- Panduan ini meliputi arahan keselamatan sebelum, semasa dan selepas kerja dijalankan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan aktiviti penyelenggaraan peralatan mesin pendua/ mesin pericah/mesin pencetak/mesin pengimbas.

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Kakitangan JKR yang mengendalikan mesin pendua/mesin pericah/mesin pencetak/mesin pengimbas.
- Penyenggara – pegawai yang menyenggara (toner dan lain-lain).

KEPERLUAN LATIHAN

- Penerangan daripada pihak pembekal peralatan kepada wakil kakitangan JKR.

POTENSI HAZAD

- Terluka/ renjatan elektrik/ ergonomik.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI



Kasut Keselamatan



Menggunakan alat yang bersesuaian (berpenebat)



Menggunakan Sarung Tangan



Menggunakan Topeng Pelindung

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

- Rujuk manual/peraturan mesin pendua/mesin pericah/mesin pencetak/mesin pengimbas.
- Elakkan sinaran cahaya terus ke mata dengan menggunakan penutup (*lid*).
- Patuhi arahan pengilang dan pemakaian alat perlindungan diri yang bersesuaian semasa proses penggantian toner.



ARAHAN KERJA SELAMAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.19

PINDAAN : 00

PENYELENGGARAAN MESIN PENDUA/MESIN PERINCIH, MESIN PENCETAK/MESIN PENGIMBAS

TARIKH : 31 JAN 2013

AKTIVITI YANG DILARANG

- Menyentuh peralatan elektrik dengan tangan basah.
- Menggunakan sambungan elektrik yang rosak – tampalkan dengan tanda ‘amaran/ rosak’.
- Mencuba membaiki peralatan elektrik yang rosak – kerja tersebut mestilah dilakukan oleh orang yang kompeten/ vendor.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1. Memakai peralatan pelindung diri.
2. Peka jika terdapat sebarang keganjilan seperti wayar yang panas, hendaklah dimatikan suis dan dilaporkan kepada penyelia.
3. Pastikan wayar mudahalih tidak melintasi dan menghalang laluan.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin / peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

- Pastikan tiada kertas yang terlekat di dalam mesin pendua/mesin pericih/mesin pencetak/mesin pengimbas selepas digunakan.
- Pastikan kertas-kertas yang tidak digunakan dasingkan atau dibuang/diguna semula.
- Pastikan punca kuasa mesin pendua/mesin pericih/mesin pencetak/mesin pengimbas dimatikan selepas waktu pejabat.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL (HIRARC)

- Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti penyelenggaraan peralatan mesin pendua/ mesin pericih/mesin pencetak/mesin pengimbas di Lampiran.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law, UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office*, DOSH, 1996.



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).19]
Pin. -/2013

LAMPIRAN 1

Senarai Pengenalpastian Hazad dan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Nama Aktiviti:

PENYELENGGARAAN MESIN PENDUA/ MESIN PERINCIH/ MESIN PENCETAK/ MESIN PENGIMBAS

.....

Petunjuk Skala Ketara

15-25 – Risiko Tinggi

5-14 – Risiko Sederhana

1-4 – Risiko Rendah



**HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND
RISK CONTROL**

[Borang JKR.AKS(H).19]
Pin. -/2013

AKTIVITI	PENYELENGGARAAN MESIN PENDUA/ MESIN PERINCIH/ MESIN PENCETAK/ MESIN PENGIMBAS		LOKASI	RUANG KERJA					
TURUTAN KERJA	PENGENALPASTIAN HAZAD		KAWALAN SEMASA	ANALISIS RISIKO			KAWALAN RISIKO	STATUS	RUJUKAN PERUNDANGAN
	HAZAD	KESAN		KEBERANGKALIAN	KETERUKAN	TAHAP RISIKO			
Pengendalian peralatan elektrik di pejabat (Mesin Pendua/Mesin Perich / Mesin Pencetak / Mesin Pengimbas)	Cahaya dari mesin pendua	Gangguan penglihatan	Arahan Kerja Selamat	2	2	4			AKKP 1994 (Akta 514)
	Tray rosak/ kertas tersepit.	Jari tersepit/luka kecil	Arahan Kerja Selamat	1	2	2			
	Sambungan wayar terdedah	Renjatan elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Arahan Kerja Selamat Latihan dan Kesedaran 	1	4	4			AKKP 1994 (Akta 514)
	Toner (Dakwat pencetak yang terdedah)	Pening / Loya	<ul style="list-style-type: none"> Arahan Kerja Selamat Latihan dan Kesedaran 	1	2	2			AKKP 1994 (Akta 514)



ARAHAN KERJA SELAMAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.20

PINDAAN : 00

PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PEJABAT

TARIKH : 31 JAN 2013

OBJEKTIF

- Arahan Kerja Selamat ini bertujuan memberi panduan kepada semua kakitangan JKR mengenai langkah-langkah keselamatan pemandu, penumpang, orang awam dan kenderaan jabatan yang perlu dipatuhi bagi aktiviti pemanduan selamat.
- Panduan ini meliputi tatacara kerja dan langkah-langkah kawalan keselamatan dan kesihatan sebelum, semasa, dan selepas pemanduan kenderaan.

SKOP KERJA

- Merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemanduan selamat.

SINGKATAN

-Tiada-

TANGGUNGJAWAB

- Kakitangan JKR yang mengendalikan pemanduan kenderaan pejabat.
- Penyelia – pegawai yang menyelia dan bertanggungjawab ke atas tugas pemandu.

KEPERLUAN LATIHAN

- Kakitangan JKR yang mengendalikan pemanduan kenderaan pejabat .

POTENSI HAZAD

- Melanggar/Dilanggar/Terbabas/Tergelincir.
- Kerosakan mekanikal/Enjin Terbakar/Kerosakan sistem atau wiring.
- Jenayah/Kecurian.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI

-Tiada-

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

Sila rujuk Lampiran A.



ARAHAN KERJA SELAMAT

PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PEJABAT

NO.DOKUMEN : JKR.AKS.20

PINDAAN : 00

TARIKH : 31 JAN 2013

AKTIVITI YANG DILARANG

- Memandu dalam keadaan bahaya.
- Bergurau senda semasa pemanduan.
- Menggunakan telefon bimbit semasa pemanduan.
- Memandu dalam keadaan tubuh badan tidak sihat.
- Membaiki sendiri kenderaan yang rosak – kerja tersebut mestilah dilakukan oleh orang yang kompeten/mekanik.
- Membenarkan orang lain memandu kenderaan selain daripada pemandu yang dibenarkan.
- Melanggar peraturan atau undang-undang jalanraya.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

Sila rujuk Lampiran B.

Jika berlaku kecemasan semasa melaksanakan kerja, atau kegagalan mesin / peralatan, padamkan punca kuasa dengan serta merta dan hentikan segala operasi ini.

LAPORKAN SEBARANG SITUASI HAZAD KEPADA PENYELIA DENGAN SERTA MERTA

PENGEMASAN

Sila rujuk Lampiran C.

HAZARD IDENTIFICATION, RISK ASSESSMENT AND RISK CONTROL

Sila rujuk HIRARC bagi aktiviti pemanduan dan pengendalian kenderaan jabatan di Lampiran 1.

RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Akta Kilang dan Jentera 1967.
- Undang-Undang Seragam Bangunan (*Uniform Building By Law , UBBL*) 1984.
- Akta Bomba 1988.
- *Guidelines On Occupational Safety and Health in The Office*, DOSH, 1996.

PEMERIKSAAN KESELAMATAN PRA-OPERASI

1 Persiapan Awal (Kereta dan Kenderaan Jabatan)

Perkara-perkara berikut hendaklah diperiksa:

a. Bahagian luaran kenderaan

- i. Tayar kenderaan
 - Masih mempunyai bunga (*legal tread depth*), dan bebas daripada paku dan batu tajam.
 - Bahagian tepi tayar bebas sebarang kerosakan.
 - Mempunyai tekanan tayar yang dicadangkan (contoh:- 30 psi atau 200 kPa).
 - Elakkan daripada menggunakan tayar celup.
 - Memastikan skru dan nat roda sentiasa ketat.
- ii. Lampu berfungsi dengan baik:
 - Lampu hadapan – tinggi/rendah (*high/low beam*).
 - Lampu isyarat, lampu hazard dan lampu nombor plat.
 - Lampu undur, lampu brek dan lampu brek ketiga.
- iii. Cermin hadapan, cermin tingkap, cermin belakang cermin pandang belakang dan cermin sisi tidak terhalang.
- iv. Tiada tanda kebocoran minyak di bawah kenderaan.
- v. Brek – *brake lining* masih pada ketebalan yang sesuai untuk digunakan.
- vi. Sistem gantungan (*suspension*) berfungsi.
- vii. Pastikan peralatan (*tools*) dan tayar simpanan, lampu suluh atau lampu kecemasan, payung dan jika perlu sediakan peralatan memadam kebakaran.
- viii. Periksa peralatan kecemasan: kotak alat (*tools box*), tayar simpanan, tiga segi keselamatan, kotak pertolongan cemas, peralatan memadam kebakaran.

b. Bahagian dalaman kenderaan

- i. Pastikan ruang tempat duduk pemandu selesa.
- ii. Pastikan *clutch*, kotak gear (*gear box*), brek dan *accelerator* berfungsi.
- iii. Selaraskan kedudukan cermin sisi dan cermin pandang belakang.
- iv. Roda stering dalam keadaan sedia digunakan.
- v. Pastikan talipinggang keledar berfungsi dengan baik.

c. Semasa enjin dihidupkan

- i. Pastikan petunjuk bahan api dan suhu berfungsi.
- ii. Pastikan penyaman udara dan hon berfungsi.
- iii. Gerakkan kenderaan ke hadapan dan kebelakang untuk memeriksa keberkesanan brek.
- iv. Pastikan peralatan aksesori elektrik yang lain berfungsi.

d. Am

- i. Pastikan kenderaan bersedia melalui keadaan jalanraya yang tidak dijangka.
- ii. Rancang laluan, lokasi perjalanan, beban yang dibawa dan pastikan bahan api mencukupi.
- iii. Periksa keselamatan pintu dan tali pinggang keledar.
- iv. Pastikan cukai jalan dan lesen memandu masih sah.

2 Persiapan Awal (Motorsikal)

Perkara-perkara berikut hendaklah diperiksa:

a. Bahagian kenderaan

- i. Tayar kenderaan
 - Masih mempunyai bunga (*legal tread depth*), dan bebas daripada paku dan batu tajam.
 - Bahagian tepi tayar bebas sebarang kerosakan.
 - Mempunyai tekanan tayar yang dicadangkan (contoh: - 30 psi atau 200 kPa).
 - Elakkan daripada menggunakan tayar celup.
- ii. Memastikan skru dan nat roda sentiasa ketat.
- iii. Lampu berfungsi dengan baik:
 - Lampu hadapan – tinggi/rendah (*high/low beam*).
 - Lampu isyarat, lampu brek.

- iv. Cermin sisi tidak terhalang.
- v. Tiada tanda kebocoran minyak di bawah kenderaan.
- vi. Brek – *brake lining* masih pada ketebalan yang sesuai untuk digunakan.
- vii. Sistem gantungan (*suspension*) berfungsi.
- viii. Pastikan peralatan (*tools*) dan tiub simpanan disediakan.

b. Bahagian enjin

- i. Minyak enjin – periksa paras dan keadaan.
- ii. Bateri - periksa keadaan, paras air dan sambungan.

c. Semasa enjin dihidupkan

- i. Pastikan petunjuk bahan api dan suhu berfungsi.
- ii. Gerakkan kenderaan ke hadapan dan kebelakang untuk memeriksa keberkesanan brek.
- iii. Pastikan peralatan aksesori elektrik yang lain berfungsi.

d. Am

- i. Pastikan kenderaan bersedia melalui keadaan jalanraya yang tidak dijangka.
- ii. Rancang laluan, lokasi perjalanan, beban yang dibawa dan pastikan bahan api mencukupi.
- iii. Periksa topi keledar dipakai dan dipasang dengan kemas.
- iv. Pastikan cukai jalan dan lesen memandu masih sah.

PROSEDUR KERJA SELAMAT

1 Semasa Perjalanan

- a. Kaedah mengenalpasti hazard jalanraya:
 - i. Perhatikan keadaan jalanraya: licin, lubang atau tidak rata.
 - ii. Perhatikan sikap pemandu lain, penunggang motosikal / basikal, pejalan kaki dan haiwan.
- b. Kerap kali melihat kepada cermin pandang belakang dan cermin sisi. Berhati-hati pada kawasan pandangan terlindung (*blind spots*).
- c. Buat penaksiran sebelum memotong, berhenti, menukar laluan/lorong atau membelok.

2 Komunikasi dengan pemandu lain

- a. Beri isyarat dengan betul pada masa yang sesuai.
- b. Berhenti atau bergerak secara mengejut.
- c. Nyalakan lampu semasa cuaca buruk - kabus, hujan dan jerebu. Bagi motosikal hendaklah sentiasa menyalakan lampu.
- d. Nyalakan lampu pada waktu malam.
- e. Gunakan sebagai isyarat - hon atau lampu hadapan semasa memotong atau di selekoh bahaya.

3 Etika pemanduan.

- a. Pastikan pemandu dan penumpang memakai tali pinggang keledar.
- b. Pastikan penunggang motosikal memakai topi keledar.
- c. Memandu cermat: perhatikan pergerakan lalulintas, gunakan laluan yang betul.
- d. Hormati pemandu lain – biar lambat asal selamat.
- e. Beri laluan kepada kenderaan yang mengekori rapat di belakang, jangan berlumba.
- f. Semasa di persimpangan, biarkan kenderaan dari hadapan masuk dahulu.
- g. Perhatikan motosikal atau basikal semasa membelok ke kiri/kanan atau menukar lorong.
- h. Jarakkan kenderaan dihadapan pada jarak yang selamat.
